

Praktis Esei

Unit 1: Kenali Moral

1. Haiwan merupakan makhluk ciptaan Tuhan yang mempunyai perasaan dan keperluan untuk hidup. Namun, masih ada manusia yang menyakiti atau mengabaikan haiwan peliharaan.

- (a) Nyatakan **dua** contoh perbuatan baik terhadap haiwan yang boleh diamalkan oleh manusia.

(2 *markah*)

- (b) Berdasarkan nilai universal yang dipelajari, huraikan kepentingan mengamalkan perbuatan baik terhadap haiwan dalam kehidupan seharian.

This image shows a blank sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and extend across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

(8 *markah*)

Unit 4: Hidup Beragama atau Berkepercayaan Membawa Berkah

2. Rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai agama dan kepercayaan. Setiap penganut agama mengamalkan cara hidup berbeza mengikut kepercayaan masing-masing.

- (a) Nyatakan kepentingan hidup beragama atau berkepercayaan dalam kehidupan seharian.

(2 markah)

- (b) Berdasarkan nilai universal yang dipelajari, huraikan cara-cara rakyat Malaysia dapat menghormati kepelbagaian amalan keagamaan atau kepercayaan bagi mengekalkan perpaduan dalam masyarakat.

[illegible]

(8 *markah*)

Unit 7: Bijaksana Memilih Sahabat

3. Gambar menunjukkan sahabat yang baik.



- (a) Nyatakan **dua** ciri sahabat negatif.

(2 *markah*)

- (b) Jelaskan kebaikan yang akan kita peroleh sekiranya menjalin persahabatan yang berciri positif.

[illegible]

(8 *markah*)

Unit 9: Keselamatan Tempat Tinggal Tanggungjawab Bersama

4. Keselamatan di kawasan tempat tinggal amat penting bagi menjamin kesejahteraan hidup penduduk. Namun, masih terdapat kes pecah rumah, ragut dan penculikan yang sering berlaku di kawasan perumahan.

- (a) Berikan langkah-langkah yang boleh dilaksanakan untuk mengekalkan keselamatan di kawasan tempat tinggal.

(2 *markah*)

- (b) Terangkan peranan yang boleh dimainkan oleh remaja untuk membantu mengekalkan keselamatan di kawasan tempat tinggal.

This image shows a blank sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and extend across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

(8 *markah*)

Unit 12: Remaja Berhemah Harapan Negara

5. Remaja ialah aset penting negara yang akan menjadi pemimpin pada masa hadapan. Remaja yang berhemah mampu menjaga imej negara serta menjadi kebanggaan keluarga dan masyarakat.

- (a) Nyatakan **dua** ciri remaja berhemah yang perlu ada dalam diri setiap remaja.

(2 *markah*)

- (b) Jelaskan cara-cara yang boleh diamalkan oleh remaja untuk menjadi remaja berhemah dan berakhlak mulia.

[illegible]

(8 *markah*)

Unit 14: Hindari Ketagihan Hidup Sejahtera

6. Sejak kebelakangan ini, ramai remaja menghabiskan masa berjam-jam melayari media sosial seperti TikTok, Instagram dan YouTube. Mereka menjadi ketagih sehingga mengabaikan pelajaran, tidak cukup tidur dan jarang berinteraksi dengan keluarga. Ketagihan ini boleh menjejaskan kesihatan mental serta hubungan sosial remaja.

- (a) Nyatakan **dua** kesan ketagihan media sosial terhadap diri remaja.

(2 *markah*)

- (b) Berdasarkan nilai universal yang dipelajari, huraikan cara-cara yang dapat diamalkan oleh remaja untuk mengelakkan diri daripada ketagihan media sosial.

This image shows a single sheet of white paper with horizontal blue or grey ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are approximately 20 lines visible. The paper has a slight shadow on the right side, suggesting it's resting on a surface.

(8 *markah*)

Unit 17: Rasuah Musuh Negara

7. Rasuah merupakan musuh utama negara yang memberi kesan buruk terhadap pelbagai aspek kehidupan.

- (a) Nyatakan bentuk-bentuk suapan yang dikaitkan dengannya berdasarkan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

(2 *markah*)

- (b) Jelaskan cara berkesan yang boleh dilakukan oleh pihak kerajaan untuk membanteras jenayah rasuah demi kesejahteraan masyarakat.

[illegible]

(8 *markah*)